

Ahmad Said dipecat Umno jika ingkar

13.11.24 10/08 M/S 5

KUALA TERENGGANU: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal, Datuk Ahmad Said bakal berdepan dengan tindakan dipecat daripada Umno sekiranya mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Terengganu, Rabu ini.

Surat peringatan tindakan pemecatan keahlian kerana melanggar arahan Presiden Umno yang ditan-datangani Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Rosol Wahid diserahkan kepada Ahmad menerusi Setiausaha Pemangku Raja, Shafie Ali, di pekarangan Istana Tamu, di sini, kira-kira jam 7.30 pagi, semalam.

Salinan surat itu juga dihantar kepada Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja, Tengku Seri Panglima Raja, Tengku Baderulzaman yang menyerahkan watakah pelan-

tikan Ahmad sebagai Menteri Besar, semalam.

Antara isi kandungan surat peringatan itu ialah:

“Dimaklumkan bahawa perlembagaan parti dengan tegasnya mengingatkan kepada semua ahli parti supaya tidak mengambil sebarang langkah yang bertentangan dengan arahan Presiden Parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.”

Rosol berkata, tindakan Ahmad menerima tawaran sebagai Menteri Besar tanpa watakah daripada Perdana Menteri adalah satu kesalahan yang boleh mengakibatkan dipecat daripada Umno.

“Oleh itu, bagi pihak Badan Perhubungan Umno negeri, saya diarah untuk menasihatkan Ahmad agar tidak bertindak melanggar peraturan parti,” katanya pada sidang media di kediaman Menteri Besar, Seri Iman,

di sini.

Sebelum itu, Rosol bersama 22 Adun, termasuk Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Mohd Sabri Alwi menyerahkan memorandum membantah pelantikan Ahmad sebagai Menteri Besar.

Rosol yang juga Adun Ajil berkata, pelantikan Ahmad sebagai Menteri Besar tidak sah kerana dia bakal dipecat sebagai ahli Umno dan ini bermakna dia (Ahmad) bukan lagi mewakili parti yang memenangi majoriti di Dewan Undangan Negeri (DUN).

“Tindakan digugurkan daripada Umno akan dilakukan Lembaga Disiplin Umno, tetapi saya sebagai Setiausaha Umno negeri diarahkan mengeluarkan dan menghantar surat peringatan kepada beliau.

“Kita minta pihak terbabit mengambil berat dan memandag pen-

ting perkara ini kerana ia memba-bitkan rakyat dan negeri yang mana kami dipilih rakyat melalui pilihan raya diadakan, 8 Mac lalu,” katanya.

Rosol berkata, apa yang dilakukan ialah sebagai menghormati perjuangan dan presiden parti yang sehingga kini tidak ada calon lain yang diyakini untuk membangun dan memberi imej kepada negeri, selain kepada Datuk Seri Idris Jusoh.

Katanya, surat peringatan dikeluarkan itu diserahkan kepada Abdullah pada perjumpaan khas yang diadakan di Putrajaya petang semalam.

Sementara itu, Rosol berkata, 22 Adun bersedia menerima apa juga hukuman yang akan ditentukan Istana Terengganu, tetapi tetap tidak berganjak untuk terus memberi sokongan kepada Idris yang juga Pengerusi BN Terengganu.